

SYARAT-SYARAT SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL

Sijil Perakuan Pendaftaran Pembekal ini (yang kemudian ini disebut sebagai "Sijil") adalah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berdasarkan penilaian terhadap maklumat yang telah dikemukakan oleh pembekal di mana ianya tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah.

A TANGGUNGJAWAB PEMBEKAL

1. Pembekal perlu memastikan rekabentuk dan spesifikasi produk yang dibekalkan adalah seperti yang dikemukakan. Sebarang pengubahsuaian perlu dimaklumkan kepada SPAN dalam tempoh **empat belas (14)** hari dari tarikh perubahan tersebut.
2. Bagi produk yang mempunyai Piawaian yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya, pembekal perlu memastikan Sijil Perakuan Produk daripada agensi pensijilan yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia adalah sentiasa sah kelulusannya di sepanjang tempoh sah Sijil.
3. Semua produk yang dibekalkan mestilah mempunyai label dengan cetakan yang jelas. Maklumat utama yang perlu dinyatakan adalah nama pembekal, jenama, model dan tarikh pemasangan.
4. Tempoh waranti bagi produk berfungsi dengan baik adalah sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** dan bagi komponen elektrik adalah sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** selepas tarikh pengujian dan pentauliahan fasiliti pembedungan. Segala kerosakan atau kegagalan dalam tempoh waranti adalah di bawah tanggungjawab pembekal untuk membaiki atau mengganti produk tersebut dengan perbelanjaan sendiri.
5. Tempoh jaminan kualiti dan jangka hayat bagi produk untuk komponen-komponen struktur, mekanikal, elektrik dan instrumentasi perlu mengikut Spesifikasi dan Piawaian yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya.
6. Pembekal dikehendaki mengemukakan dan mengemaskini rekod pemasangan bagi produk yang telah dibekalkan **setiap enam (6) bulan sekali** bermula dari tarikh Sijil mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
7. Sebarang perubahan alamat, pertukaran nama syarikat atau pertukaran pembekal/ prinsipal perlu dimaklumkan kepada SPAN dalam tempoh **empat belas (14)** hari dari tarikh perubahan tersebut.

B PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN

1. Permohonan perlu dibuat **pada bulan ketiga (3) sebelum** tempoh sah Sijil tamat. Prosedur permohonan perlulah merujuk kepada Nota Panduan Permohonan Pendaftaran Pembekal Sistem dan Produk untuk Kegunaan Industri Pembedungan di laman web www.span.gov.my.
2. Permohonan yang diterima selepas tempoh sah Sijil tamat akan diproses sebagai permohonan baru.
3. Pembaharuan Sijil adalah tertakluk kepada penilaian terhadap laporan teknikal mengenai prestasi dan penyelenggaraan produk yang telah dibekalkan serta keputusan audit oleh SPAN.
4. Produk yang mempunyai Piawaian, Sijil Perakuan Produk daripada agensi pensijilan yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia yang masih sah kelulusannya perlu dikemukakan.
5. Produk yang tidak mempunyai Piawaian, laporan ujian yang tidak melebihi **empat (4) tahun** perlu dikemukakan.

C AUDIT OLEH SPAN

1. SPAN akan menjalankan audit pada bila-bila masa dalam tempoh sah Sijil. Segala kos ujian yang terlibat berhubung audit tersebut adalah ditanggung oleh pembekal.

D PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN

1. Jika terdapat aduan beserta bukti yang diterima melibatkan kes kegagalan, pemalsuan dan penipuan berkaitan produk yang dibekalkan, Sijil akan **digantung** bagi menjalankan siasatan. Penggantungan akan ditarik balik setelah tindakan pembaikan/ pembedungan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Sijil akan **dibatalkan** jika pembekal gagal berbuat demikian.
2. SPAN berhak untuk menggantung atau membatalkan Sijil sekiranya didapati pembekal gagal mematuhi Syarat-Syarat Sijil Perakuan Pendaftaran Pembekal seperti dalam perkara A hingga C di atas.
3. SPAN berhak mendapatkan semula Sijil ini sekiranya pembekal digantung atau dibatalkan pendaftarannya.